



SIARAN MEDIA

PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2018

GEORGE TOWN, 4 OGOS 2018 - Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018 telah disempurnakan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri pada pukul 8.30 malam di Padang Kota Lama, Pulau Pinang. Hadir sama ialah YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri, YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018.

Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018 kelolaan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bermula pada 3 hingga 5 Ogos 2018 bertujuan menyemarak sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini dan meningkatkan semangat patriotik serta cintakan negara dalam kalangan masyarakat.

Turut dilancarkan pada malam ini ialah Kembara Merdeka Jalur Gemilang menjelajah ke seluruh negara membawa mesej kenegaraan dalam inisiatif untuk menggalakkan masyarakat mengibarkan Jalur Gemilang. Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang berjumlah 60 kenderaan ini melibatkan 20 buah kenderaan dan 40 buah motorsikal berkuasa tinggi serta 135 peserta terdiri daripada warga Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), MalaysiaAktif dan Kelab Motorsikal Berkuasa Tinggi ST1300.

Upacara perarakan membawa masuk Jalur Gemilang diketuai oleh Leftenan Sobra Mulisa bin Ahyum dari KD Sri Pinang, Tentera Laut Diraja Malaysia. Manakala Pasukan Pancaragam Pusat yang memainkan lagu Negaraku diketuai oleh Leftenan Mohd. Shahram Ramli dari Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut, Perak.

Persembahan pentas semasa majlis pelancaran telah dipersembahkan oleh artis PENTARAMA Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri (JKKN), penari Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang dan Kumpulan Boria Putera Wawasan seramai 105 orang.

Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018 turut dimeriahkan dengan Konsert Sayangi Malaysiaku yang menampilkan artis-artis popular tanah air seperti Bunkface, Ella, Siti Nordiana, Suki, Azlan & The Typewriter, Atmosfera, Waris, Bob AF, Chernice (AiMinnnal) dan Yuveena (Bintang RTM) bersama pengacara Azrul Zaidi dan Nana Mahazan.

Turut menjayakan majlis pada malam ini ialah kumpulan Aktivistis Sayangi Malaysiaku iaitu sukarelawan berumur antara 18 hingga 35 tahun berjumlah 300 orang yang berperanan sebagai krew promosi patriotik, krew media sosial, pasukan sorak (cheer team) dan pasukan gotong-royong. Manakala seramai 524 orang anggota kawalan keselamatan dan lalu lintas serta seramai 80 anggota pasukan kesihatan dan perubatan bertugas sepanjang program.

Pada sebelah pagi telah diadakan Larian Merdeka yang telah disempurnakan pelepasan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow di Jalan Padang Kota Lama pada hari ini. Seramai 3,000 peserta telah terlibat dalam larian sejauh 5 kilometer ini.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang tiga (3) hari program berlangsung antaranya ialah Pameran *Caring Bridge*, Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG), Larian Merdeka, Konsert Sayangi Malaysiaku, persembahan *Buskers* Sayangi Malaysiaku, Jualan *My Best Buy* FAMA, Karnival *Food Truck*, Persembahan PENTARAMA dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang dan Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang, Program Keagamaan

Islam, Buddha, Hindu dan Kristian, serta Pameran MyMerdeka Sayangi Malaysiaku di Mydin Bukit Mertajam.

Pameran *Caring Bridge* bermula 3 hingga 5 Ogos di Padang Kota Lama menyediakan sebanyak 42 *booth* yang melibatkan 80 agensi kerajaan dan swasta. Selain itu juga, sebanyak 30 *booth* Jualan *My Best Buy* FAMA, 35 buah *food truck* serta 10 unit bergerak (*mobile units*) yang menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk orang ramai.

Buskers Sayangi Malaysiaku iaitu kumpulan UC *Buskers*, Sela *Buskers* dan Symphony Street Jamm juga membuat persembahan di sekitar Persiaran Gurney dan Uptown PERDA mulai 2 hingga 4 Ogos bagi menyemarakkan suasana sekitar sambutan.

Program Keagamaan Islam, Buddha, Hindu dan Kristian turut diadakan pada 3 Ogos 2018 iaitu di:

- i. Masjid Jamek Melayu, Lebuah Aceh (Islam);
- ii. Goddess of Mercy Temple, Jalan Masjid Kapitan Keling (Buddha);
- iii. Shirdi Sai Baba Centre, Queen Street (Hindu);
- iv. dan St. George's Anglican Church 1, Lebuah Farquhar (Kristian).

Program MyMerdeka Sayangi Malaysiaku juga diadakan di Mydin Bukit Mertajam bermula 3 hingga 5 Ogos. Program ini menyediakan pameran dan pelbagai aktiviti berbentuk kenegaraan telah dirasmikan oleh YB Dr. Afif Bahardin, ADUN Seberang Jaya merangkap Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

###

Disediakan oleh : Pusat Media Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Jalur Gemilang 2018
Padang Kota Lama, Pulau Pinang
Emel : sayangimalaysiaku2018@gmail.com
Tarikh dikeluarkan : 4 Ogos 2018 (Sabtu)